



Foto: Ihsan A.A. Narris

Pengantin Minangkabau dalam pakaian tradisi

ADAT PERKAHWINAN MINANGKABAU, adat perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat Minangkabau yang tinggal di Sumatera Barat, Indonesia. Adat perkahwinan Minangkabau mengikut pola sistem nasab

ibu. Fungsi terpenting perkahwinan adalah untuk mengakrabkan hubungan antara kaum, atau menaikkan status dan prestij kaum atau keluarga. Perkahwinan yang paling baik adalah antara anak dengan kemenakan atau anak dengan anak bako (keluarga sebelah bapa), antara mereka yang telah punya hubungan kerabat dan antara mereka yang sekampung. Baik Islam mahupun adat, melarang perkahwinan sesuku, demi mencegah keterkongkongan suku. Orang yang melanggar adat dipulau atau diusir keluar dari 'nagari' (kampung). Satu lagi perkahwinan yang tidak direstui dan melanggar adat ialah perkahwinan dengan janda seorang kerabat, kaum atau tetangga. Orang Minangkabau juga mengamalkan perkahwinan yang unik ialah ganti lapik dan cina buta. Ganti lapik perkahwinan antara seorang duda atau janda dengan saudara pasangannya yang telah meninggal dunia. Perkahwinan ini bertujuan menyambung semula ikatan yang diputuskan oleh takdir. Cina buta disebut juga cendera buta.

Merisik Oleh sebab adat perkahwinan Minangkabau berpola kepada sistem nasab ibu, maka inisiatif pinang-meminang dilakukan oleh kerabat sebelah ibu. Proses pelaksanaan sampai ke hari pernikahan melalui banyak tahap dan beragam bentuknya, terutama antara daerah luak Rantau. Setelah memperoleh informasi daripada telangkai, beberapa orang utusan melakukan pinangan. Apabila pinangan diterima, pada hari yang lain dikirim lagi utusan untuk membincangkan perjanjian pertunangan.

Meminang Upacara pertunangan dikenal sebagai 'bertukar tanda', iaitu pertukaran berupa barang berharga, seperti keris, perhiasan emas atau kain sutera, sebagai pengukuhan perjanjian. Jika satu pihak membatalkan pertunangan, dia wajib mengembalikan tanda itu tanpa berhak meminta kembali tanda yang diberikan. Sesudah itu, dikirim utusan untuk menentukan hari perkahwinan berserta berbagai-bagai syarat yang harus dipenuhi oleh kerabat perempuan. Antara yang terpenting adalah untuk menetapkan jumlah wang jemputan, semacam mas kah-

win yang diberikan kepada kerabat lelaki atau 'marapulai' yang lazimnya berupa emas atau wang yang senilai harganya. Adat ini mulai hilang di daerah Luhak akibat pengaruh aliran kaum modernis Islam tetapi berganti dengan pemberian marapulai kepada anak dara berupa kain baju keperluan perempuan. Di Padang dan Pariaman, adat wang jempukan masih diamalkan apabila meminang untuk lelaki yang mempunyai gelar turunan, seperti 'marah' dan 'sutan' di Padang dan 'sidi', 'bagindo' dan 'sutan' di Pariaman.

Jika jarak waktu pernikahan dengan perkahwinan memakan masa yang lama, berbulan atau bertahun, biasanya dilakukan 'nikah ganggang' atau kahwin gantung. Dalam keadaan serupa itu, kedua-dua pengantin belum boleh hidup serumah. Nikah gantung itu dilaksanakan kerana salah satu atau kedua-dua belah pihak belum benar-benar bersedia, tetapi telah sepakat untuk mempererat hubungan dengan ikatan pernikahan.

Perkahwinan Pengantin lelaki yang dinamakan marapulai dijemput dan dibawa pulang ke rumah pengantin perempuan. Lelaki yang menjadi suami tinggal di rumah isterinya. Dia diperlakukan sebagai semenda yang dihormati, tidak mempunyai beban atau tanggungjawab terhadap anak dan isterinya. Namun dia tetap dipandang sebagai orang luar dan tidak mempunyai hak untuk ikut mengatur rumah tangga tempat dia tinggal.